

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH** : **10 JUN 2014**

**SOALAN** : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah maklumbalas rasmi Kerajaan ke atas laporan mengenai hak asasi manusia terhadap Malaysia selepas Proses Semakan Berkala Sejagat (UPR) kedua baru-baru ini.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah sekali lagi berjaya menjalani proses UPR buat kali kedua pada 24 Oktober 2013 yang lalu. Terdahulu, Malaysia telah menjalani proses UPR yang pertama pada 12 Februari 2009.

3. Proses Penilaian Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review* – UPR) diwujudkan di bawah kerangka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tujuan mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa. Secara amnya, UPR adalah satu proses semakan berkala dan berterusan ke atas obligasi dan komitmen hak asasi manusia bagi setiap negara ahli PBB. UPR dilaksanakan mengikut pusingan yang mengambil masa dalam empat tahun untuk disempurnakan. Ianya merupakan satu proses dialog terbuka dan konstruktif di antara negara yang disemak, dengan izin, *state-under-review* (SuR), dengan negara-negara ahli PBB yang lain. Proses UPR ini dikendalikan oleh Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) PBB yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland.

4. Semasa UPR kedua Malaysia baru-baru ini, delegasi Malaysia telah membentangkan langkah-langkah serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha Kerajaan

melindungi hak asasi manusia di dalam negara, termasuk pelaksanaan saranan-saranan yang telah diterima daripada negara ahli PBB yang lain pada pusingan yang pertama dahulu. Malaysia turut berkongsi amalan terbaik dan juga cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dengan negara-negara anggota PBB yang lain.

5. Pada sesi kedua UPR Malaysia, sebanyak 232 saranan telah diterima daripada 104 delegasi negara-negara ahli PBB yang mengambil bahagian di dalam proses tersebut. Daripada jumlah ini, Malaysia telah menyatakan sokongannya terhadap 150 saranan dan tidak menyokong 82 yang lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Antara saranan-saranan yang disokong termasuklah berkenaan pertimbangan ke atas penyertaan Malaysia kepada instrumen-instrumen antarabangsa berhubung hak asasi manusia yang masih belum disertai, saranan untuk terus mempromosi dan mempertahankan hak-hak wanita dan kanak-kanak, dan cadangan untuk terus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan jurang pendapatan, membasmi kemiskinan, dan meningkatkan usaha menyatu-padukan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

7. Saranan-saranan yang tidak disokong pula adalah yang melibatkan desakan yang meminta Kerajaan menerima nilai-nilai yang bercanggah dengan nilai agama dan budaya di negara ini, dan yang melibatkan pemindaan atau pemansuhan undang-undang atau dasar sedia ada di Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia telah membuat kenyataan di Majlis Hak Asasi Manusia

untuk memperjelaskan pendirian negara berhubung beberapa saranan yang tidak dapat disokong semasa UPR ke-2 tersebut.

8. Penyertaan Malaysia dalam proses UPR ini jelas menunjukkan kesungguhan Kerajaan dalam mempertahankan hak asasi manusia dan menerapkan penghayatannya di dalam negara.

9. Proses dialog dengan negara-negara anggota PBB yang lain semasa semakan UPR telah memberi peluang kepada Malaysia untuk bertukar pendapat serta berkongsi pengetahuan, pengalaman dan idea untuk meningkatkan lagi pematuhan negara terhadap prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam satu forum yang telus dan teratur.

10. Sehubungan ini, Kerajaan akan terus menyokong proses UPR serta menggiatkan lagi usaha-usaha dan langkah-langkah berkaitan dengan pelaksanaan saranan-saranan yang telah diterima semasa proses UPR. Kerajaan mengambil serius proses tersebut dan sentiasa komited untuk terus menambahbaik situasi hak asasi manusia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.